



SIARAN AKHBAR

Pelan Induk PKS Mula Memperoleh Momentum dengan Tumpuan kepada Produktiviti dan Inovasi

Putrajaya, 4 Julai - YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak mengumumkan pelaksanaan empat lagi Program Berimpak Tinggi (*High Impact Programmes*, HIPs) di bawah Pelan Induk PKS. Beliau turut menekankan terhadap kepentingan mempercepatkan pertumbuhan produktiviti di kalangan PKS melalui inovasi dan langkah lain bagi mencapai matlamat Pelan Induk PKS. Dato' Sri Najib berkata bahawa pembangunan PKS akan terus diberi keutamaan negara di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 yang akan datang dan Pelan Induk PKS akan bersifat menyeluruh bagi pembangunan PKS negara memandangkan PKS adalah salah satu daripada tunggak utama pertumbuhan bagi mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Pengumuman itu dibuat sejurus selepas beliau mempengerusikan Mesyuarat Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan Keenam Belas awal hari ini. Mesyuarat yang diadakan dua kali setahun itu dihadiri oleh Menteri dan Ketua Agensi daripada 16 Kementerian/ Agensi termasuk dari Sabah dan Sarawak yang terlibat dalam program pembangunan PKS di negara ini.

Tahun ini genaplah 10 tahun MPPK ditubuhkan. Sejak penubuhannya pada tahun 2004, pelbagai pencapaian telah dilakar oleh Majlis ini, khususnya dari segi dasar pembangunan PKS termasuklah menyeragamkan penggunaan definisi PKS; perkongsian maklumat dan data PKS; pembangunan modal insan; akses kepada pembiayaan dan pemasaran serta khidmat nasihat dan sokongan. Kerajaan percaya pencapaian sehingga kini telah berjaya memperkukuhkan inisiatif dan usaha Kerajaan ke arah meningkatkan sumbangan PKS kepada ekonomi Negara, selaras dengan sasaran yang ditetapkan di bawah Pelan Induk PKS.

Pelan Induk PKS yang telah bermula pada tahun 2012 bermatlamat untuk meningkatkan sumbangan PKS kepada ekonomi dari segi Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), guna tenaga dan eksport dengan mencapai sasaran 41% pada tahun 2020. Bagi mencapai matlamat ini, kadar pertumbuhan semasa iaitu 6.2% perlu dinaikkan kepada 9.3% melalui inovasi, produktiviti dan peningkatan tahap pengetahuan.

Reka bentuk bagi keempat-empat HIP telah diluluskan pada mesyuarat termasuk HIP 1 mengenai integrasi pendaftaran perniagaan dan pelesenan; HIP 3 mengenai Program Pelaburan PKS; HIP 4 mengenai Program Going GoEX; dan HIP 5 mengenai Program Pemangkin. Ini adalah berikutan pelancaran HIP 2 iaitu Platform Pengkomersialan Teknologi (*Technology Commercialisation Platform*, TCP) pada April 2014. Setiap program akan dilaksanakan oleh agensi peneraju. Bagi TCP, program ini akan dilaksanakan oleh Agensi Inovasi Malaysia (AIM) melalui anak syarikatnya, PlatCOM Ventures Sdn. Bhd. iaitu sebuah syarikat persendirian yang menyediakan kemudahan yang menyeluruh bagi membantu PKS berinovasi dan komersialkan produk dan perkhidmatan mereka.

Dato' Sri Najib berkata bahawa pelaksanaan HIP 1 akan bermula tidak lama lagi ke arah mewujudkan tettingkap tunggal (*single window*) untuk PKS membuat pendaftaran dan pada masa yang sama membuat permohonan terhadap lesen perniagaan yang diperlukan. Tettingkap ini bertujuan untuk menjadi mesra perniagaan, lengkap dengan portal maklumat mengenai keperluan pelesenan untuk pelbagai aktiviti perniagaan. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kemudahan menjalankan perniagaan dan seterusnya mengurangkan kos urus niaga yang akan mengambil masa beberapa tahun untuk disiapkan.

Sementara itu, HIP 3 mengenai Program Pelaburan PKS merupakan satu model inovatif yang dicadangkan di bawah Pelan Induk PKS bagi memudahkan pembiayaan bagi PKS yang baru ditubuhkan serta PKS peringkat awal. Program ini berasaskan kepada konsep 'dana bagi dana' iaitu diilhamkan daripada program yang sama di Amerika Syarikat dan amalan terbaik di negara lain. Program pembiayaan bukan perbankan ini mencadangkan syarikat pelaburan yang telah dilantik untuk menjana dana daripada sektor swasta dengan dana bersamaan daripada Kerajaan bagi memberi pinjaman kepada PKS dalam bentuk pinjaman atau kedua-dua pinjaman dan ekuiti. HIP 3 dijangka dapat menyokong pertumbuhan firma yang mempunyai pertumbuhan tinggi and berinovatif.

Bagi memberi galakan selanjutnya, Majlis juga telah meluluskan HIP 5 iaitu Program Pemangkin bagi membantu PKS yang berpotensi mempunyai pertumbuhan tinggi untuk menjadi pemain/syarikat bertaraf dunia. Program yang menerapkan pemilihan ketat ini mendedahkan syarikat kepada program membina kapasiti yang intensif dan menanda aras syarikat antarabangsa yang terbaik. Setiap syarikat akan menghasilkan rancangan pertumbuhan syarikat yang khusus bagi mencapai pertumbuhan eksponen sebanyak 20% atau lebih setiap tahun. HIP 3 dan HIP 5 akan dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia.

Akhir sekali, HIP 4 iaitu Program GoEx menawarkan membantu khusus kepada pengeksport baharu atau pengeksport sedia ada untuk menceburi pasaran baharu atau produk / perkhidmatan baharu. Matlamat utama program ini adalah untuk menghasilkan lebih banyak PKS yang berjaya menembusi dan bertapak di pasaran global, lantas dapat meningkatkan sumbangan PKS kepada jumlah eksport daripada

19% pada masa ini kepada 20% pada tahun 2020, iaitu salah satu matlamat Pelan Induk PKS. Program yang akan dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) ini adalah berlainan daripada program yang sedia ada. PKS yang bersedia menembusi pasaran eksport akan dipilih dan diberi bantuan yang menyeluruh terdiri daripada khidmat nasihat oleh pakar, fasilitasi perdagangan dan rangkaian pasaran dengan pembeli, pengedar dan ejen antarabangsa menerusi *market immersions*.

“Adalah penting bagi kesemua enam (6) Program Berimpak Tinggi dilaksanakan secara serentak bagi memastikan sinergi dan memberi kesan sepenuhnya kepada ekonomi negara kerana mereka adalah saling berkaitan dan mengukuhkan”, kata Dato’ Sri Najib. Beliau juga mengatakan bahawa HIP yang terakhir iaitu HIP 6 mengenai Program *Inclusive Innovation* akan dilaksanakan oleh Yayasan Inovasi Malaysia pada akhir tahun ini. SME Corp. Malaysia telah membantu dalam mereka bentuk program ini bersama dengan agensi utama yang akan memantau perkembangan program ini dan melaporkannya kepada Majlis.

Selain Pelan Induk PKS, Majlis ini juga membincangkan kertas mengenai prestasi PKS yang terkini serta cabarang yang dihadapi oleh PKS berikutan persekitaran kenaikan kos menjalankan perniagaan dan ketidakpastian lain. Namun begitu, sumbangan PKS kepada ekonomi telah meningkat walaupun secara berperingkat dan prospek jangka panjang PKS tetap kukuh. Dato’ Seri Najib berkata sementara Kerajaan berbesar hati melihat usaha selama ini membuahkan hasil, masih lebih banyak yang perlu dilakukan bagi PKS mencapai lonjakan berganda melalui inisiatif di bawah Pelan Induk. Melangkah ke hadapan, penekanan akan diberikan untuk mempertingkatkan produktiviti PKS terutamanya mereka yang berada di sektor perkhidmatan.

Dalam perkembangan yang sama, Mesyuarat Majlis Ekonomi yang telah diadakan baru-baru ini bersetuju untuk mengukuhkan tiga (3) model kerjasama strategik berkaitan dengan produktiviti dan inovasi, sebagai Pusat Sehati untuk pengkomersilan produk dan perkhidmatan PKS, dan juga sebagai Pusat Rujukan Setempat untuk membantu PKS meningkatkan usaha ke arah ini. Kerjasama strategik ini melibatkan SME Corp. Malaysia dan Malaysian Technology Development Corporation (MTDC); Fraunhofer Institute dan SIRIM Berhad; dan Steinbeis Institute dan Agensi Inovasi Malaysia (AIM).

Agenda-agenda lain yang turut dibincangkan termasuklah Komuniti Ekonomik ASEAN yang telah direncanakan untuk direalisasikan pada tahun 2015 di mana Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada Persidangan ASEAN. Majlis berharap agar agenda PKS pada peringkat serantau dapat diperkuatkan dan diberi keutamaan kerana PKS merangkumi 95%-99% jumlah pertubuhan perniagaan di kalangan negara ASEAN. Seajar dengan aspirasi ini, SME Corp. Malaysia telah dipertanggungjawabkan untuk memformulasikan Pelan Tindakan Strategik ASEAN bagi perkembangan PKS 2016-2025 di dalam Kumpulan Kerja PKS ASEAN. Dalam

mesyuarat yang sama, telah diumumkan bahawa Malaysia akan menganjurkan Pameran PKS dan Persidangan ASEAN pada tahun 2015.

Majlis telah dimaklumkan mengenai pencapaian program pembangunan PKS yang telah diselaras, dipantau dan dinilai secara progresif oleh SME Corp. Malaysia selaku agensi penyelaras pusat, melalui Pelan Tindakan Bersepadu PKS (SMEIPA). SMEIPA menyediakan maklumat dan penilaian berkenaan keberkesanan program-program yang telah dilaksanakan bagi menyokong pembangunan PKS.

Mesyuarat telah dimaklumkan bahawa pada tahun 2013, program pembangunan PKS yang dilaksanakan oleh 15 Kementerian dan lebih daripada 61 Agensi telah mencatat kadar purata kejayaan pelaksanaan sebanyak 85%. Sebanyak 157 program telah dilaksanakan dengan jumlah perbelanjaan RM12 bilion yang telah memanfaatkan 887,581 penerima. Pada tahun 2014, sebanyak 154 program telah dirancang dan sedang dilaksanakan dengan komitmen kewangan sebanyak RM13.3 bilion yang dijangka akan memanfaatkan 527, 865 penerima.

Perdana Menteri telah memuji kejayaan Minggu PKS 2014 yang telah diadakan dari 21 hingga 27 Jun 2014 dengan penganjuran 158 aktiviti diseluruh negara. Di seluruh Malaysia, sebanyak 148,180 peserta dan pelawat telah mendapat manfaat daripada aktiviti-aktiviti tersebut sebanyak 1074 pempamer telah menyertai Karnival PKS bagi mempromosikan produk dan perkhidmatan. Minggu PKS 2014 telah mencatat transaksi tunai sebanyak RM1.7 juta dan sebanyak RM33.9 juta untuk potensi jualan yang telah berjaya dijana melalui sesi pepadanan perniagaan. Dato' Sri Najib berkata, "Saya berharap agar "Minggu PKS" akan menjadi acara yang sentiasa dinantikan oleh semua PKS setiap tahun. Kumpulan sasar inilah sebenarnya yang akan meningkatkan pertumbuhan dalaman (*endogenous growth*) dan dinamisme ekonomi Negara."

Sekretariat
Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK)
4 Julai 2014